



Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI) adalah sebuah sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 ingin mempelawa calon yang berkelayakan serta bermotivasi tinggi untuk mengisi jawatan seperti berikut :

1.	<b>SETIAUSAHA</b> <b>Taraf Jawatan : Tetap</b> <b>Gaji : RM1,493.00 – RM5,672.00 (tidak termasuk imbuhan / elaun)</b> <b>Kekosongan : 1</b>
----	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

#### **1.1 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN :**

1.1.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (b) Memiliki kelayakan akademik seperti berikut :
  - (i) Diploma Sains Kesetiausahaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred 29: RM1,493.00); atau
  - (ii) Diploma Pengurusan dan Teknologi Pejabat daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred 29: RM1,770.95)
- (c) Bebas daripada sebarang rekod jenayah.

(d) Lain-lain :

- (i) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
- (ii) Mempunyai sikap yang positif, berintegriti, proaktif, bertanggungjawab, berdedikasi dan berdaya tahan.

## 1.2 RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian di pejabat pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) berjalan lancar dan memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail. Di samping itu, memastikan semua keperluan rasmi pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi/ pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (yang memenuhi kelayakan) dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.

### Cara Memohon

- a) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Jawatan Kosong (Borang Permohonan Jawatan)** yang boleh muat turun di laman web <http://www.integriti.my>
- b) Semua permohonan hendaklah disertakan salinan sijil/dokumen sokongan, salinan kad pengenalan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) dan dihantar kepada:

**Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif  
Institut Integriti Malaysia  
Menara Integriti  
Persiaran Tuanku Syed Sirajudin  
Off Jalan Tuanku Abdul Halim  
50480 Kuala Lumpur  
(u.p : Unit Sumber Manusia)**

- c) Sila tuliskan **Nama Jawatan Yang Dipohon** di sebelah atas kiri sampul surat permohonan.

- d) INTEGRITI berhak menolak pemohon yang mengemukakan permohonan yang tidak lengkap dan sebarang rayuan adalah tidak dilayan; dan
- e) Tarikh tutup permohonan ialah pada **31 Januari 2018.**

**Catatan**

Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga. Calon-calon yang tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.